

10 penjaja dikenakan tindakan sita

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaksanakan 10 tindakan sita dan pindah halangan terhadap penjaja di sekitar Parlimen Segambut serta Lembah Pantai di sini.

DBKL dalam satu kenyataan menjelaskan operasi tindakan khas itu dijalankan melalui Jabatan Penguatkuasaan bersama Pejabat Cawangan Segambut dan Pejabat Cawangan Lembah Pantai.

“Hasil operasi yang dijalankan, seramai 10 penjaja (tujuh kes di Segambut dan tiga kes di Lembah Pantai) telah dikenakan tindakan sita serta-merta.

“Tindakan diambil di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 serta Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016,” katanya menerusi Facebook pada Jumaat.

Menurutnya, kesemua barangan yang diambil tindakan pindah halangan dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja, Cheras, Kuala Lumpur untuk tindakan rekod dan dokumentasi.

“DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari masa ke masa di lokasi tumpuan yang telah dikenal pasti,” tambahnya.



Anggota penguat kuasa DBKL melakukan sita dan pindah halangan terhadap penjaja di Parlimen Segambut serta Lembah Pantai baru-baru ini.